

## Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme melalui Perangkaan Data kes COVID-19 di Malaysia

*Analysis of Sociological Behaviour based on the Theory of Interactionism  
Through Data Statistics of the COVID-19 case in Malaysia*

Norha Basir  
[norha@unimap.edu.my](mailto:norha@unimap.edu.my)

Ina Suryani Ab Rahim  
[inasuryani@unimap.edu.my](mailto:inasuryani@unimap.edu.my)

Mohamad Zaki Abdul Halim  
[zakihalim@unimap.edu.my](mailto:zakihalim@unimap.edu.my)

*Universiti Malaysia Perlis, Kangar, Perlis, Malaysia*

**DOI:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.1.2020>

Received: 03 May 2020; Accepted: 11 Jun 2020; Published: 11 Jun 2020

**Cite this article (APA):** Basir, N., Ab Rahim, I. S., & Abdul Halim, M. Z. (2020). Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme melalui Perangkaan Data kes COVID-19 di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 11-30. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.2.2020>

### ABSTRAK

Kajian berkaitan Covid-19 merupakan kajian yang baharu dan mula dikaji oleh para penyelidik pelbagai bidang di seluruh dunia bermula pada tahun 2020. Sehubungan itu, bidang sosiologi yang merangkumi aspek kemasyarakatan menjadi wadah kajian dalam penulisan ini. Kaedah kualitatif dimanfaatkan untuk membincangkan dan menganalisis isu penularan wabak pandemik Covid-19 dalam lingkungan sosiologi masyarakat Malaysia bersandarkan Teori Interaksionisme oleh George Herbert Mead (1939) yang mementingkan proses interaksi sosial manusia. Teori ini telah mengenal pasti dua bentuk atau tahap interaksi sosial iaitu, interaksi tidak simbolik dan interaksi simbolik. Interaksi tidak simbolik ialah interaksi manusia yang bertindak secara langsung terhadap gerak isyarat atau tindakan orang lain, manakala interaksi simbolik ialah manusia mentafsir setiap gerak isyarat dan bertindak berdasarkan hasil makna tafsiran tersebut. Sehubungan itu, kajian ini adalah untuk menganalisis perangkaan data kes Covid-19 dan membincangkan kes Covid-19 dari sudut interaksi sosial dalam sosiologi masyarakat Malaysia mengikut PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 berdasarkan Teori Interaksionisme. Hasil analisis melalui data kes yang diperoleh melalui aplikasi Telegram, Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 menunjukkan tingkah laku sosial masyarakat Malaysia mempengaruhi kadar kes Covid-19 di Malaysia. Kejayaan melawan Covid-19 dalam masyarakat Malaysia mula dapat dilihat pada PKP Fasa 3 yang menunjukkan kadar positif iaitu dapat dilihat melalui keluk graf yang baik hasil penurunan kes Covid-19. Hasil dapatan ini jelas menunjukkan penurunan kadar kes Covid-19 di Malaysia dipengaruhi oleh tingkah laku sosial masyarakat Malaysia terhadap pematuhan sepanjang PKP ini dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia.

**Kata kunci:** pandemik Covid-19; perintah kawalan pergerakan (PKP); sosiologi; teori interaksionisme George Herbert Mead (1939).

## **ABSTRACT**

*Covid-19 related research is a new study and is beginning to be researched by researchers from all over the world. 2020 has become a new dimension for researchers to study the Covid-19 issue from various fields. In this regard, this paper focuses the topic on the field of sociology that covers aspects of society. Qualitative methods is used to discuss and analyse the issue of Covid-19 pandemic transmission in the sociology of Malaysian society based on George Herbert Mead's (1939). The theory which is theory of Interactionism emphasizes the process of human social interaction. George Herbert Mead (1939) has identified two forms or levels of social interaction that are non-symbolic and symbolic interactions. Non-symbolic interactions are human interactions that act directly on the gestures or actions of others. Symbolic interaction is when humans interpret each gesture and act on the basis of the meaning of the interpretation. The objective of this study is to analyse the statistics of Covid-19 case data according to Movement Control Order (MCO) Phase 1 to MCO Phase 3 within the sociology of Malaysian society. Next, it discusses the Covid-19 case from the point of Social Interaction in the sociology of Malaysian society according to the MCO Phase 1 to MCO Phase 3 based on the Theory of Interactionism. The analysis of the data from the Crisis Preparedness and Response Centre CPRC by the Ministry of Health of Malaysia during the MCO Phase 1 to the MCO Phase 3 shows that the social behaviour of the Malaysian community affects Covid-19 cases in Malaysia. The success against Covid-19 in Malaysian society resurfaced in the MCO Phase 3 which has showed a positive rate and reflected in the good graphical curves resulting from the decline of the Covid-19 case. These findings clearly indicated that the decline in Covid-19 cases in Malaysia is influenced by the social behaviour of the Malaysian community towards compliance with the current MCO by the Malaysian government.*

**Keywords:** Covid-19 pandemic; movement control order (MCO); sociology; George Herbert Mead's theory of interactionism (1939).

## **PENGENALAN**

Penyakit yang disebabkan oleh koronavirus 2019 (Covid-19) yang menjadi isu perbincangan dalam kertas kerja ini juga dikenali sebagai penyakit pernafasan akut 2019-nCoV. Penyakit ini mudah berjangkit disebabkan oleh SARS-CoV-2 (novel koronavirus 2019) dan berkait rapat dengan virus SARS. Penyakit Coronavirus 2019 (Covid-19) telah mula dikesan di negara China dengan kes pertama disahkan pada 7 Januari 2020 di Wuhan, Hubei, China. Dalam tempoh tiga (3) minggu seterusnya, kes-kes disahkan di Thailand, Nepal, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Singapura, Perancis, Vietnam, Malaysia, Australia, Canada, Cambodia, Sri Lanka dan Jerman. Covid-19 adalah jangkitan pada saluran pernafasan dengan gejala demam, sakit tekak atau kesukaran bernafas dengan sejarah perjalanan ke negara China atau kontak rapat dengan kes. Kes pertama di Malaysia disahkan pada 25 Januari 2020 (CPRC, KKM: 17 Februari 2020). Lantaran itulah *World Health Organization* (WHO) telah mengisyiharkan Covid-19 sebagai pandemik pada 20 Mac 2020 di seluruh dunia. Pandemik menurut Fauzi Suhaimi (Mac: 2020) merujuk wabak yang menyerang dalam skop lebih besar dan tidak terhad kepada sesuatu komuniti atau daerah semata-mata. Wabak ini akan mengancam kawasan yang lebih luas seperti sebuah negeri, negara, benua atau mungkin juga seluruh dunia jika dibiarkan melarat. Fauzi Suhaimi (2020) juga menjelaskan bahawa pandemik bermula daripada penularan wabak pada peringkat epidemik yang merebak secara meluas sehingga tidak dapat dikawal dan mampu membunuh ramai orang dalam masa yang singkat. Isu pandemik Covid-19 ini juga telah memberi impak dalam kehidupan masyarakat Malaysia yang merangkumi bidang sosiologi. Ilmu sosiologi telah dibahaskan oleh ramai sarjana yang menjelaskan sosiologi sebagai interaksi sosial dan organisasi (Vander Zanden, James W., 1990) dalam kehidupan masyarakat Malaysia (Giddens, 1993).

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat dua objektif utama kajian ini, iaitu:

- (i) Menganalisis perangkaan data kes Covid-19 mengikut PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 dalam lingkungan sosiologi masyarakat di Malaysia.
- (ii) Membincangkan tingkah laku sosiologi masyarakat berdasarkan Teori Interaksionisme Sepanjang PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 di Malaysia.

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Data pelaporan kes Covid-19 yang dikongsi setiap hari sepanjang PKP oleh CPRC, KKM menerusi aplikasi Telegram wajar dianalisis mengikut perspektif bidang keilmuan seperti ilmu sosiologi yang menjadi wadah kajian dalam penulisan kertas kerja ini. Himpunan maklumat yang tersimpan dalam sumber *Big Data* aplikasi Telegram CPRC, KKM ini merupakan input sahih yang menjadi sumber rujukan masyarakat dalam mengikuti perkembangan kes Covid-19 di Malaysia seterusnya menjadi rujukan untuk kesiapsiagaan dan panduan menjalani kehidupan sehari-hari semasa PKP berlangsung. Secara tidak langsung, hasil dapatan analisis dalam kertas kerja ini dapat dijadikan sumber rujukan kepada pihak berautoriti untuk merangka strategi tadbir urus pentadbiran semasa PKP dan juga selepas PKP berakhir. Perkongsian hasil dapatan analisis kes Covid-19 ini juga dapat digunakan untuk menambah baik tadbir urus dari segi polisi yang berkaitan dengan komuniti dan kemasyarakatan. Tindakan susulan yang lebih terarah juga dapat dilaksanakan melalui perkongsian analisis kajian yang berkaitan dengan komuniti setempat dan juga kemasyarakatan di Malaysia. Perangkaan data kes Covid-19 yang dikeluarkan setiap hari semasa PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 berlangsung, mendapati perangkaan kes Covid-19 yang dilaporkan setiap hari dapat menjadi panduan kepada masyarakat untuk mematuhi peraturan yang disarankan oleh KKM seperti mengamalkan penjarakan sosial, menjaga kebersihan diri dan duduk sahaja di rumah demi memutuskan rantaian Covid-19. Dapatan analisis kajian ini juga dapat meningkatkan pengetahuan masyarakat Malaysia tentang perubahan sosiobudaya masyarakat Malaysia akibat kes Covid-19 dan menjadi sumber rujukan kepada para pengkaji untuk menyelongkar sumber maklumat yang dikongsi dalam aplikasi Telegram CPRC, KKM bagi meneroka, menganalisis dan membincangkannya berdasarkan kepakaran bidang keilmuan masing-masing demi kemaslahatan bersama.

## **BATASAN KAJIAN**

Penulis membataskan kajian kes penularan pandemik Covid-19 dalam lingkungan sosiologi masyarakat Malaysia berdasarkan kes baharu Covid-19 sepanjang PKP berlangsung mulai PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 (17 Mac 2020 hingga 28 April 2020). Perangkaan data kes yang diperoleh melalui aplikasi Telegram CPRC, KKM dijadikan sumber utama analisis kajian ini.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan penyesuaian amalan sosiobudaya yang berbeza dalam kalangan masyarakat Malaysia menjadi titik pemerhatian dalam kajian ini. Amalan yang menjadi budaya dalam kehidupan masyarakat seperti saling bersalamans ketika bertemu sebelum ini, kini tidak lagi digalakkan dalam tempoh perebakkan wabak Covid-19 kerana menjadi punca utama penularannya akibat sentuhan langsung. Begitu juga dengan amalan penjarakan sosial yang perlu dipatuhi terutamanya ketika membeli belah, membuat pembayaran di kaunter, ketika beratur di mesin pengeluaran wang (ATM) dan juga ketika pihak berwajib menjalankan tugas. Penggunaan pelitup

muka (*face mask*) juga disarankan kepada setiap individu yang melakukan aktiviti di luar rumah atau semasa menjalankan tugas yang bersemuka dengan orang awam. Pematuhan amalan sosiobudaya dalam kehidupan sehari-hari sepanjang PKP ini berlangsung, telah menjadikan aktiviti harian menjadi perlahan dan mengalami keterbatasan pergerakan kerana kekangan pematuhan cara hidup yang perlu dipatuhi. Perubahan amalan sosiobudaya dalam kehidupan sehari-hari sedikit sebanyak memberi kesan kepada pemikiran masyarakat dan juga cara hidup yang baharu dan terbatas. Oleh yang demikian, Terma Normal Baharu yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi cabaran baharu bagi rakyat Malaysia mengadaptasi suasana dan kehidupan baharu pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik koronavirus (Covid-19). Normal baharu ini bukan sahaja terpakai di Malaysia tetapi juga bersifat universal. Amalan dalam kehidupan seperti adat resam, budaya dan amalan lazim dalam kehidupan sehari-hari telah menjadi asing di minda masyarakat Malaysia sebelum PKP. Normal baharu ini telah mengasimilasi budaya masyarakat Malaysia. Harrold Abramson (1994) dalam Jessica dan Abdul Hamid (2019) mentakrifkan asimilasi sebagai proses yang membawa kepada peningkatan kesamaan dalam masyarakat. Terma Normal Baharu yang disarankan untuk dipatuhi oleh masyarakat juga menjadi kekangan untuk diimplementasi dalam keadaan yang drastik akibat pandemik Covid-19.

## **SOROTAN LITERATUR**

Interaksi simbolik oleh Herbert Mead menyatakan bahawa setiap tindakan manusia berasaskan makna yang ditafsir oleh individu tersebut terhadap sesuatu, seterusnya penafsiran makna ini menentukan tindakan yang akan diambil oleh individu tersebut (Achmad Taofik, 2015). Dalam penelitian konteks Covid-19 ini, tindakan masyarakat dalam membuat tindak balas terhadap saranan KKM dipengaruhi oleh ‘bagaimana masyarakat mentafsir makna dan menilai saranan KKM tersebut?’ Tindakan masyarakat dimulai dengan pentafsiran makna pada peringkat individu. Jika individu itu menganggap bahawa saranan ‘berkurung’ adalah sesuatu yang menyusahkan mahupun tidak perlu dipatuhi, maka respon yang akan diberikan oleh individu tersebut adalah dengan mengingkari, melawan dan mencabar saranan-saranan itu. Tindakan yang diambil oleh individu ini akan dinilai oleh individu yang lain dalam masyarakat terhadap batas-batas tertentu, sehingga menghasilkan suatu tindakan kelompok sama ada menerima atau menolak saranan KKM. Makna yang melekat pada sesuatu, bagi individu itu berasal daripada proses interaksinya dengan lingkungannya, sehingga dengan kata lain makna tersebut tidak muncul dengan sendirinya akan tetapi makna tersebut muncul sebagai akibat daripada adanya proses interaksi individu dengan sesamanya sehingga menghasilkan pemahaman individu tentang sesuatu (Achmad Taokik 2015). Walau bagaimanapun, berlainan dengan kajian sebelum ini, kini masyarakat berada dalam tempoh PKP yang membataskan interaksi kepada interaksi maya sahaja. Dengan ini, kajian interaksi sosial dalam lingkungan sosiologi masyarakat Malaysia terhadap impak penularan pandemik Covid-19 dapat menjelaskan perlanjutan teori Herbet Mead dalam konteks baharu.

Kajian hubung kait sosiologi dan wabak penyakit di Malaysia telah diutarakan dalam beberapa kajian terkini (Adnan, Ramlie, Othman, Asha'ri, Syed Ismail & Samsudin, 2018, Hassan, 2015); bagaimanapun kajian-kajian ini lebih tertumpu kepada hubung kait tindakan masyarakat yang digandingkan dengan keputusan medikal dan data klinikal. Antara kajian yang membincangkan hubung kait sosiologi dan wabak ialah kajian oleh Adnan dan rakan rakan (2018) yang menumpukan kepada penyakit denggi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iaitu kes jangkitan penyakit denggi yang dikaitkan dengan faktor sosial seperti kepadatan isi rumah, jenis perumahan, dan manusia. Kajian mereka menyokong bahawa rutin kerja dan belajar pada waktu puncak gigitan nyamuk amat menyumbang kepada penyebaran penyakit denggi. Selain itu, jenis perumahan, jarak perumahan dengan kawasan takungan air, taman permainan, tanah perkuburan, belukar dan tapak pembinaan turut dikaitkan. Hasil kajian mereka menunjukkan kecenderungan

terkena denggi adalah lebih tinggi dalam kalangan responden yang keluar dari rumah pada waktu subuh dan yang tiba di rumah sekitar waktu senja. Manakala, responden yang menggunakan pengangkutan sendiri juga lebih terdedah kepada jangkitan denggi berbanding responden yang menaiki kenderaan awam. Satu lagi kajian (Err & Abdullah, 2016) melaporkan punca berlakunya jangkitan denggi menggunakan kaedah kajian kepustakaan dalam pengumpulan data melalui analisis kandungan menggunakan maklumat berbentuk data sekunder daripada bidang medikal. Hasil kajian mendapati bahawa denggi terjadi disebabkan oleh virus, tiada ubat atau antibiotik untuk dirawat; satu-satunya rawatan adalah untuk merawat gejala. Secara ringkas, kajian-kajian ini menunjukkan hubungan sosiologi dari segi gaya hidup dengan data klinikal wabak penyakit.

Hassan (2015) turut mengutarakan kaitan sosiologi dan kesihatan dalam kajian beliau terhadap gaya hidup muslim di Malaysia melalui hubungan antara aspek gaya hidup agama dan kesihatan umat Islam di Malaysia. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tindakan yang berkaitan dengan kesihatan sangat dipengaruhi, baik secara langsung ataupun tidak langsung oleh pilihan gaya hidup yang berkaitan dengan kesihatan yang dilakukan pengguna setiap hari sesuai dengan ajaran Islam. Penyelidikan ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara agama dan tingkah laku yang berkaitan dengan kesihatan, tercermin. Penyelidik turut menyarankan bahawa pendekatan holistik Islam terhadap kehidupan, memberi kemampuan untuk mengekalkan kesihatan fizikal dan kesejahteraan minda dan rohani. Ringkasnya, kajian ini turut menghubung kait hal sosial dan kesihatan pada peringkat gaya hidup.

Beberapa kajian terbaru yang lain (Muda, 2019; Fornace, Brock, Abidin, Grignard, Herman, Chua, & Grigg, 2019) turut membicarakan elemen sosiologi dan wabak dalam lingkungan perubatan. Muda (2019) telah mengkaji pandangan pesakit wanita yang mengidap *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) terhadap kematian dalam penularan wabak (HIV) dan *Acquired Immune Deficiency Syndrome* (AIDS). Kajian ini menggunakan data primer temu bual terhadap 20 orang informan wanita yang dijangkiti HIV positif di Terengganu dan Kelantan. Bagaimanapun laporan kajian ini mencakupi data statistik jangkitan, kematian dan geografi jangkitan, tanpa mengaitkan jangkitan ini dengan sebarang teori sosial. Walaupun kajian ini melaporkan stigma masyarakat terhadap pandangan pesakit wanita, tiada teori sosial diulas atau diutarakan kerana kajian ini lebih menumpukan kepada psikologi pesakit dalam mendepani stigma masyarakat ketika mengharungi proses rawatan dan penyembuhan. Sebuah lagi kajian oleh Fornace dan rakan-rakan yang mengupas risiko persekitaran ekologi dengan pendedahan kepada jangkitan malaria di kawasan Kudat, Kota Marudu, Pitas, dan Ranau di Sabah. Kajian ini melibatkan data klinikal dan persampelan darah manakala antara butiran responden yang diambil kira ialah umur, jantina, penggunaan hutan, pekerjaan dan jenis rumah. Walaupun kajian ini mengambil kira data sosial, fokus kajian ini lebih ke arah bidang klinikal tanpa mengulas teori sosial.

Secara ringkasnya, kajian-kajian terkini (Fornace et all 2019, Hassan 2015; Adnan, 2018 dan Err & Abdullah, 2017) yang menghubungkan sosiologi dan wabak di Malaysia berkisar dalam lingkungan klinikal. Hanya sedikit yang cuba mengaitkan jangkitan dengan stigma sosial seperti kajian oleh Muda (2019) walaupun turut tidak megulas dari pespektif teori sosial. Kajian yang mengaitkan jangkitan dengan teori sosial amat diperlukan pada masa ini kerana wabak Covid-19 telah menjadi pandemik dunia dan dijangka mengubah gaya hidup dan norma masyarakat dunia. Perubahan yang besar ini memerlukan kajian yang dapat menerangkan reaksi dan mekanisme masyarakat dalam mengatasi cabaran norma baharu kehidupan. Kesedaran keperluan memahami manusia daripada *Big Data* turut diketengahkan oleh beberapa penulis negara jiran (Grady Nagara, 2020; Eril, 2020).

## PENDEKATAN TEORITIS

Teori Interaksionisme yang dipelopori oleh George Herbert Mead (1939) dijadikan landasan dalam membincangkan analisis kajian sosiologi masyarakat Malaysia semasa penularan isu pandemik Covid-19. Teori ini mementingkan proses interaksi sosial manusia yang mempunyai dua tahap iaitu interaksi tidak simbolik dan interaksi simbolik. Interaksi tidak simbolik ialah interaksi manusia yang bertindak secara langsung terhadap gerak isyarat atau tindakan orang lain. Manakala interaksi simbolik ialah manusia mentafsir setiap gerak isyarat dan bertindak berdasarkan hasil makna tafsiran tersebut. 7 prinsip asas Teori Interaksionisme seperti yang dijelaskan dalam Ritzer (1992) ialah:

- i. Manusia tidak sama dengan binatang kerana manusia mempunyai keupayaan berfikir.
- ii. Keupayaan berfikir manusia dibentuk oleh interaksi sosial.
- iii. Dalam interaksi sosial, manusia mempelajari simbol dan makna yang membolehkan mereka mengamalkan keupayaan berfikir yang ada pada mereka.
- iv. Simbol dan makna membolehkan manusia beraksi dan berinteraksi.
- v. Manusia berupaya mengubah suai simbol dan makna berdasarkan interpretasi mereka terhadap sesuatu situasi.
- vi. Manusia berupaya menjangkakan kesan tindakan, membuat penilaian baik - buruk, dan menentukan tindakan sesuai.
- vii. Jalinan aksi dan interaksi akan membentuk kumpulan dalam masyarakat.

Oleh itu, jelaslah bahawa Skema Mead yang menjadi tunjang dalam Teori Interaksionisme ternyata mencabar tindakan kelakuan yang ditunjukkan oleh masyarakat sepanjang kes Covid-19 ini dengan alasan melihat:

- i. Masyarakat manusia bukan sebagai struktur yang mantap tetapi sebagai manusia yang memenuhi kehendak hidup mereka.
- ii. Tindakan sosial terbentuk bukan daripada struktur sosial tetapi dibentuk oleh pelaku.
- iii. Pembentukan tindakan ini bukan sebagai faktor sosial yang dilahirkan melalui organisma manusia tetapi sebagai binaan yang dibina oleh pelaku berdasarkan perkara-perkara yang diamatinya.
- iv. Hidup berkumpulan bukannya sebagai pelepasan atau pernyataan struktur sosial tetapi sebagai satu proses pembinaan tindakan bersama.
- v. Tindakan sosial sebagai sesuatu yang mempunyai pelbagai kerjaya yang boleh diubah, bukannya sebagai sesuatu yang terhad dalam lingkungan alternatif pengesahan atau melencong daripada struktur sosial mantap yang telah ditetapkan.
- vi. Interaksi antara bahagian dalam masyarakat bukan sebagai pengaruh secara langsung antara satu bahagian terhadap bahagian yang lain tetapi sebagai perantaraan sebagai pentafsiran yang dibuat oleh manusia dan;
- vii. Masyarakat bukan sebagai sesuatu sistem sama ada dalam bentuk yang statik, berubah atau bergerak atau sebarang bentuk keseimbangan tetapi sebagai sejumlah besar tindakan bersama, banyak yang berkait rapat, banyak yang tidak berkaitan langsung, banyak gambaran awal dan pengulangan, yang lain dibentuk dengan arah baru dan kesemuanya dibuat untuk memenuhi kehendak peserta bukannya keperluan sistem. (Najeemah Mohd Yusof: 2004)

Oleh yang demikian, jalinan Teori Interaksionisme oleh George Herbert Merd (1939) menjadi panduan dan landasan sepanjang menganalisis tingkah laku sosial masyarakat di Malaysia sepanjang krisis Covid-19.

## **METODOLOGI**

Pengumpulan data kajian ini memanfaatkan perangkaan data kes Covid-19 diperolehi daripada Aplikasi Telegram *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menjadi wahana penyampaian maklumat rasmi dan terkini kepada masyarakat pengguna. Sumber *Big Data* yang menghimpunkan maklumat tentang kes Covid-19 dalam aplikasi Telegram ini telah dilanggan lebih 785 ribu individu (setakat 28 April 2020). Maklumat yang dikongsi dalam aplikasi CPRC, KKM ini diperakui kesahihannya kerana sumber maklumatnya diurus oleh pihak KKM. Maklumat yang disalurkan melalui aplikasi Telegram ini menjadi pautan utama kepada masyarakat untuk mengetahui info yang sahih berkenaan kes Covid-19. Analisis data merangkumi perangkaan kes Covid-19 sepanjang PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3. *Big Data* merupakan istilah umum untuk sebarang koleksi set-set data yang begitu besar dan kompleks yang begitu sukar untuk diproses menggunakan alat pengurusan data yang sedia ada atau aplikasi pemprosesan data tradisional. *Big Data* mempunyai tiga ciri utama iaitu:

- (i) *Volume*  
Volum data yang besar pada *Big Data* dikatakan akan meningkat seiring dengan berkembangnya teknologi internet. Jutaan orang memproduksi video yang terdapat di Youtube, status di Facebook, foto di Instagram dan lain-lainnya. Himpunan data yang diproduksi telah menghasilkan volum yang begitu besar dan tersimpan secara formal digital dalam internet.
- (ii) *Velocity*  
Volum data yang banyak telah menambahkan lagi darjah kepantasan yang begitu cepat sehingga menyukarkan pengguna untuk menguruskan keadaan tersebut.
- (iii) *Variety*  
Data yang begitu banyak dan cepat tersebut memiliki jenis yang pelbagai: ada teks, gambar, video, foto, animasi, dan lebih banyak lagi jenis data yang lain.

Penganalisisan data seterusnya, data yang direkod akan dianalisis mengikut Teori Interaksionisme. Penerapan teori yang berpadanan dalam menganalisis data kajian kes Covid-19 ini dapat menjadikan perbincangan lebih diperakui kesahihannya. Penghujahan turut disokong dengan hasil kajian-kajian lepas dan pendapat-pendapat sarjana untuk disesuaikan dalam lingkungan sosiologi kehidupan masyarakat Malaysia. Pengelompokan data kes Covid-19 akan dianalisis mengikut PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3. PKP Fasa 1 berlangsung dari 18 Mac hingga 31 Mac 2020. PKP Fasa 2 berlangsung pada 1 April hingga 14 April 2020. Manakala PKP Fasa 3 berlangsung pada 15 April hingga 28 April 2020. Perangkaan data kes merangkumi empat bahagian iaitu kes baharu, kes yang masih dirawat, kes sembah dan kes kematian. Namun begitu, perbincangan analisis dalam kertas kerja ini hanya menganalisis kes baharu Covid-19 sahaja yang mempunyai perkaitan dengan tingkah laku sosial masyarakat mengikut PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 yang dilaksanakan di Malaysia.

## ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Penulis membincangkan hasil analisis kajian dalam dua bahagian utama iaitu, pertamanya membincangkan kes penularan pandemik Covid-19 dalam lingkungan sosiologi masyarakat Malaysia berdasarkan perangkaan data kes Covid-19 yang dikeluarkan oleh KKM sepanjang PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 berlangsung. Kedua, membincangkan tingkah laku sosiologi masyarakat berasaskan Teori Interaksionisme sepanjang PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 di Malaysia.

### **Perangkaan Data Kes Covid-19 Mengikut PKP Fasa 1 Hingga PKP Fasa 3 Dalam Lingkungan Sosiologi Masyarakat Malaysia**

Pihak KKM telah mengelompokkan status kes Covid-19 di Malaysia kepada kes baharu, kes yang masih dirawat, kes sembah, kes kematian baharu dan jumlah kes kematian. Melalui pemerhatian dalam pengelompokan bagi status kes, penulis dapat menyimpulkan bahawa penunjuk aras bagi kes baharu yang dapat dilihat pada setiap hari sepanjang PKP berlangsung menunjukkan tahap pematuhan terhadap PKP masyarakat Malaysia. Analisis perbincangan merangkumi 3 fasa utama iaitu PKP Fasa 1, PKP Fasa 2 dan PKP Fasa 3. Penulis akan melihat trend kes baharu Covid-19 dalam setiap fasa PKP untuk melihat data kes dan perkaitannya dengan amalan pematuhan PKP masyarakat sepanjang PKP ini berlangsung. Berikut dipaparkan maklumat data kes Covid-19 dalam tempoh pelaksanaan PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 yang dipetik daripada sumber *Big Data* melalui aplikasi Telegram CPRC, KKM dari 17 Mac hingga 28 April 2020:

**Jadual 1:** Status kes Covid-19 dalam PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 (17 Mac 2020 hingga 28 April 2020)


Fasa PKP	Tarikh PKP	Kes Baharu	Jumlah Kes Keseluruhan	Analisis Harian	Jumlah Peningkatan/ Penurunan Kes Baharu Mengikut Fasa	Analisis Fasa
Fasa 1	17 Mac 2020	120	673	Data asal		Jumlah kumulatif kes baharu PKP Fasa 1 dari 18 hingga 31 Mac 2020 ialah 2093 kes. Sepanjang tempoh tersebut trend penurunan kes ialah sebanyak 6 kali dan peningkatan kes sebanyak 7 kali
	18 Mac 2020	117	790	menurun	3	
	19 Mac 2020	110	900	menurun	7	
	20 Mac 2020	130	1030	meningkat	20	
	21 Mac 2020	153	1183	meningkat	23	
	22 Mac 2020	123	1306	menurun	30	
	23 Mac 2020	212	1518	meningkat	89	
	24 Mac 2020	106	1624	menurun	106	
	25 Mac 2020	172	1796	meningkat	66	
	26 Mac 2020	235	2031	meningkat	63	
	27 Mac 2020	130	2161	menurun	105	
	28 Mac 2020	159	2320	meningkat	29	
	29 Mac 2020	150	2470	menurun	9	
	30 Mac 2020	156	2626	meningkat	6	
	31 Mac 2020	140	2766	menurun	16	
Fasa 2	1 April 2020	142	2908	meningkat	2	Jumlah kumulatif kes baharu PKP Fasa 2 bermula 1 April sehingga 14 April 2020 ialah 2221 kes telah menurun sebanyak 545 kes (24.54 %)
	2 April 2020	208	3116	meningkat	66	
	3 April 2020	217	3333	meningkat	9	
	4 April 2020	150	3483	menurun	67	
	5 April 2020	179	3662	meningkat	29	
	6 April 2020	131	3793	menurun	48	
	7 April 2020	170	3963	meningkat	39	
	8 April 2020	156	4119	menurun	14	
	9 April 2020	109	4228	menurun	47	
	10 April 2020	118	4346	meningkat	9	
	11 April 2020	184	4530	meningkat	66	
	12 April 2020	153	4683	menurun	31	
	13 April 2020	134	4817	menurun	19	

	14 April 2020	170	4987	meningkat	36	
Fasa 3	15 April 2020	85	5072	menurun	85	Jumlah kumulatif kes baharu PKP Fasa 3 bermula 15 April sehingga 28 April 2020 ialah 864 kes telah menurun sebanyak 1,357 kes (38.9 %)
	16 April 2020	110	5182	meningkat	25	
	17 April 2020	69	5251	menurun	41	
	18 April 2020	54	5305	menurun	15	
	19 April 2020	84	5389	meningkat	30	
	20 April 2020	36	5425	menurun	48	
	21 April 2020	57	5482	meningkat	21	
	22 April 2020	50	5532	menurun	7	
	23 April 2020	71	5603	meningkat	21	
	24 April 2020	88	5691	meningkat	17	
	25 April 2020	51	5742	menurun	37	
	26 April 2020	38	5780	menurun	13	
	27 April 2020	40	5820	meningkat	2	
	28 April 2020	31	5851	menurun	9	

Jadual 1 di atas menunjukkan status kes Covid-19 dalam PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 berlangsung sepanjang 18 Mac hingga 28 April 2020. Jumlah kumulatif kes baharu PKP Fasa 1 sehingga 31 Mac 2020 ialah 2093 kes. Sepanjang tempoh tersebut trend penurunan kes ialah sebanyak 6 kali dan peningkatan kes sebanyak 7 kali. Jumlah kes kumulatif baharu PKP Fasa 2 bermula 1 April sehingga 14 April 2020 ialah sebanyak 2221 kes yang telah menunjukkan penurunan kepada 545 kes (24.54%). Jumlah kes kumulatif baharu PKP Fasa 3 bermula 15 April sehingga 28 April 2020 pula menunjukkan bilangan kes baharu sebanyak 864 kes telah menurun kepada 1,357 kes (38.9%).

Analisis data asal kes Covid-19 pada hari pertama PKP Fasa 1 iaitu bermula 18 Mac 2020 telah menunjukkan penurunan kes iaitu daripada 120 kes kepada 117 kes baharu dengan jumlah keseluruhan kes sebanyak 790 kes. Laporan menunjukkan dua kematian iaitu kes ke-178 dan kes ke-358 telah dilaporkan di CPRC pada 17 Mac 2020. Kes ke-178 merupakan lelaki warga Malaysia berumur 34 tahun yang pernah hadir dalam perhimpunan tabligh di Sri Petaling. Pihak KKM telah melaporkan bahawa responden terbabit telah bergejala mulai 5 Mac 2020 dan telah dirawat di Hospital Permai pada 12 Mac 2020 selepas disahkan positif Covid-19. Keadaan responden telah merosot dan dimasukkan ke ICU. Namun responden telah disahkan meninggal dunia pada tarikh tersebut. Kes ke- 358 pula ialah lelaki warga tempatan berusia 60 tahun dan mempunyai sejarah kronik. Mula bergejala pada 7 Mac 2020 dan dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 14 Mac 2020. Kesihatan responden mula merosot dan dimasukkan ke ICU. Responden telah disahkan meninggal dunia pada 17 Mac 2020. Merujuk kepada bilangan kes Covid-19 pada hari pertama PKP menunjukkan 95 kes positif Covid-19 adalah berkaitan dengan kluster perhimpunan tabligh di Masjid Jamek Seri Petaling. Data Kes Covid-19 pada hari pertama PKP menunjukkan kluster Tabligh mendominasi kes iaitu sebanyak 80 kes daripada 117 kes baharu pada 18 Mac 2020. (CPRC, Kementerian Kesihatan Malaysia: 19 Mac 2020). Bagi kontak rapat kepada pesakit positif Covid-19, 10,724 org telah diambil sampel dan 586 adalah positif. 7,426 orang yang disyaki (PUI) diuji dan 461 positif. (CPRC:28 Mac 2020)


Berdasarkan Jadual 1 di atas, jelas menunjukkan bahawa peratusan kes baharu PKP Fasa 2 dan PKP Fasa 3 menunjukkan penurunan kes pada PKP Fasa 3 sebanyak 14.36%. Penurunan kes ini menunjukkan perkembangan yang positif pematuhan masyarakat terhadap pelaksanaan PKP di Malaysia. Berdasarkan perangkaan kes baharu yang ditunjukkan dalam PKP Fasa 3, berlaku trend penurunan kes baharu Covid-19 yang positif. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia telah menjelaskan bahawa kejayaan PKP Fasa 3 ditentukan oleh keluk kes Covid-19. Ternyata kejayaan dan pencapaian melandaikan keluk dan mengawal penularan virus Covid-19 adalah kejayaan bersama, iaitu rakyat dan kerajaan. Berikut penulis paparkan gambaran keluk kes Covid-19 dalam Rajah 1 di bawah yang telah dikongsi dalam aplikasi Telegram CPRC, KKM pada 28 April 2020:



**Rajah 1:** Keluk trend positif berdasarkan kes baharu Covid-19.

Sumber: CPRC, KKM: 28 April 2020

Seterusnya, penulis paparkan Rajah 2 yang menunjukkan trend mingguan kes Covid-19 dari minggu-11 hingga minggu 17 PKP berlangsung.



**Rajah 2:** Trend Mingguan Kes Covid-19 dari Minggu -11 hingga Minggu 17 PKP

Sumber: CPRC, KKM 26 April 2020

Pematuhan masyarakat terhadap PKP juga dapat dibuktikan melalui kes aktif Covid-19 di Malaysia yang semakin menurun dan kes di ICU juga semakin berkurang seperti dalam Rajah 2 di atas. Rajah 2 menunjukkan trend Covid-19 di Malaysia yang menunjukkan penurunan manakala jumlah pesakit yang sembuh melebihi kes yang dilaporkan untuk 3 minggu berturut-turut (CPRC: 26 April 2020).

### **Perbincangan Tingkah laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme Sepanjang PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3.**

Perspektif sosiologi tertumpu pada tiga aspek utama iaitu pada tingkah laku masyarakat, memahami corak interaksi dan proses kelompok. Perspektif sosiologi dapat dilihat melalui dua dimensi iaitu perspektif dari sudut yang bersifat mikro iaitu bersifat kecil dan individu. Manakala perspektif dari sudut yang bersifat makro ialah bersifat besar, kompleks yang berfokuskan masyarakat dan organisasi. Perbincangan analisis kes penularan pandemik Covid-19 dalam masyarakat Malaysia dapat ditinjau dari perspektif yang bersifat makro iaitu melalui pelaporan data kes oleh KKM yang dikongsi melalui aplikasi Telegram CPRC, KKM mengikut fasa iaitu PKP Fasa 1 (18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020), PKP Fasa 2 (1 April 2020 hingga 14 April 2020) dan PKP Fasa 3 (15 April hingga 28 April 2020).

Tingkah laku sosiologi terutamanya interaksi sosial dalam kehidupan seharian masyarakat Malaysia telah menunjukkan pengurangan dari perspektif makro sepanjang PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3. Interaksi media sosial banyak dimanfaatkan oleh semua pihak dalam berinteraksi terutamanya pihak KKM yang merupakan barisan hadapan negara sepanjang PKP ini berlangsung. Interaksi media sosial yang dianalisis melalui aplikasi CPRC, KKM ini dapat dikelompokkan kepada 3 sasaran utama iaitu pertamanya, interaksi media sosial antara KKM dengan pengguna masyarakat. Keduanya, interaksi media sosial antara KKM dengan badan kerajaan. Ketiganya, interaksi media sosial antara KKM dengan kontak kes Covid-19.

### **Interaksi Media Sosial antara KKM dengan Pengguna Masyarakat**

Kerajaan telah menyarankan agar anggota masyarakat patuh terhadap penjarakan sosial (*social distancing*) dalam berurusani seperti urusan di bank, pasar raya, kedai dan juga kaunter-kaunter perkhidmatan sepanjang PKP berlangsung. Aktiviti luar juga tidak dibenarkan seperti aktiviti riadah, aktiviti bersama keluarga, aktiviti keramaian, sambutan keraian dan aktiviti perhimpunan. Norma-norma sosial yang diamalkan sebelum kes Covid-19 melanda juga tidak dibenarkan seperti bersalaman antara satu sama lain yang dibimbangi akan menerima jangkitan seterusnya dikhawatir meningkatkan lagi jumlah kes Covid-19 yang baharu. Pihak KKM juga menyarankan agar mengelakkan bersalaman atau bersetuhan jika bergejala seperti demam, batuk/bersin dan sesak nafas. Alternatif yang disarankan oleh KKM ialah meletakkan tangan di dada sebagai tanda hormat dengan ucapan salam bagi menggantikan bersalaman dan bersentuhan (CPRC KKM, 19 Februari 2020). KKM juga mula mengambil langkah berjaga-jaga dengan menasihati masyarakat iaitu golongan yang berisiko tinggi supaya menghadkan lawatan ke hospital terutamanya bagi urusan tidak penting. Golongan berisiko tinggi yang dimaksudkan oleh KKM ialah golongan kanak-kanak, warga emas berusia 65 tahun ke atas, pesakit dengan penyakit kronik, pesakit dengan daya ketahanan badan yang rendah dan wanita hamil. Orang ramai juga diingatkan supaya tidak melawat pesakit di hospital jika mengalami demam, selsema dan batuk (CPRC KKM, 21 Februari 2020). Langkah berjaga-jaga oleh pihak KKM ini bagi mengekang penularan jangkitan Covid-19 di hospital. aranan oleh KKM dari semasa ke semasa berkaitan pengamalan interaksi sosial

masyarakat seperti penjarakan sosial telah menunjukkan hasil yang positif seperti yang dapat dilihat dalam penurunan kes Covid-19 yang baharu dalam tempoh PKP Fasa 3.

Ungkapan pertama yang disampaikan oleh pihak KKM kepada pengguna masyarakat pada hari sebelum PKP Fasa 1 ialah "Usah Panik, Bersama Kita Hadapi Covid-19. (CPRC, KKM: 17 Mac 2020). Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 bermula pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 untuk menyekat penularan wabak dengan cara menghadkan pergerakan orang ramai. Pelaksanaan PKP ini telah termaktub dalam Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967. Interaksi Media Sosial telah disampaikan melalui kata-kata nasihat kesihatan berkaitan Covid-19 iaitu pertamanya, mengamalkan tahap kebersihan yang optimum pada setiap masa seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*). Keduanya, mengamalkan etika batuk yang baik (*caught etiquette*) yang baik iaitu menutup mulut dan hidung dengan tisu apabila batuk mahupun bersin, seterusnya membasuh tangan dengan serta merta. Ketiganya, segera mendapatkan rawatan jika mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak. Keempatnya, peserta perhimpunan tabligh akan diletakkan di bawah perintah pengawasan dan pemerhatian seksyen 15 (1), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 untuk tempoh 14 hari dari tarikh akhir menghadiri perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling atau kontak rapat kepada kes positif Covid-19 mengikut mana yang terkemudian (CPRC,KKM: 17 Mac 2020). Interaksi media sosial juga disampaikan oleh barisan hadapan negara melalui perkongsian pengalaman ketika berhadapan dengan kes Covid-19. Berikut merupakan perkongsian kata-kata petugas yang dikongsi di aplikasi CPRC, KKM untuk dikongsi bersama pengguna masyarakat untuk bersama-sama berusaha dalam membendung wabak Covid-19.

"Hari yang sangat hiba bagi kami di KKM apabila 2 pesakit Covid-19 kami meninggal dunia. Kami di KKM selalu berusaha sedaya upaya untuk membantu dan menyembuhkan pesakit-pasakit kami. Malang tidak berbau...Saudara-saudari sekalian, masyarakat Malaysia yang dikasihi sekalian, tugas membendung penularan wabak Covid-19 bukan sahaja terletak di tangan kami, mahupun pihak berkuasa. Setiap insan di Malaysia mesti mengambil tanggungjawab untuk membantu kami. 2 minggu ini sangat penting. Sangat penting untuk menyekat penularan wabak ini. Ingatlah nasihat KKM dan kerajaan. Patuhi perintah kawalan pergerakan." NO FEAR NO RUMOR NO STIGMA #mycombatcovi

(CPRC, KKM: 17 Mac 2020)

"Hari ini adalah hari pertama "perintah kawalan pergerakan" di negara kita. Dengan kata-kata

mudah, "sila duduk di rumah" dan jarakkan diri anda daripada orang lain. Kita mempunyai peluang yang tipis untuk memutuskan rangkaian jangkitan Covid-19. Bantulah KKM dengan memainkan peranan anda, kerana setiap individu bertanggungjawab untuk mengambil segala langkah, berjaga-jaga demi keselamatan diri dan keluarga. Kegagalan bukan pilihan di sini. Jika tidak, kita mungkin menghadapi gelombang ketiga virus ini, yang seterusnya akan menjadi lebih besar seperti tsunami, lebih-lebih lagi, jika kita mempunyai sikap "tidak kisah". Saya merayu kepada semua rakyat Malaysia, sila ambil perintah kawalan pergerakan ini secara serius. "Duduk di rumah dan jangan keluar ". #mycombatcovid

Sumber: MKN yang dipetik dari CPRC, KKM: 18 Mac 2020

“Kini terdapat 17 kes Covid-19 di ICU sekarang. Diharapkan angka ini dapat dikurangkan. Perintah kawalan pergerakan mesti dipatuhi. MESTI DIPATUHI. Ini bermakna, semua rakyat Malaysia yang berkenaan DINASIHATKAN berada di rumah dan hanya keluar sekiranya betul-betul perlu. Kenaikan atau pengurangan kes serta tahap penularan wabak sekarang di tangan anda. Ya betul, kini di tangan anda. Jadilah rakyat yang bertanggungjawab. Bersama dengan KKM dan agensi lain memastikan kualiti hidup kita terjamin tanpa wabak Covid-19.

Sumber: CPRC, KKM:18 Mac 2020

Komitmen KKM dalam menyampaikan maklumat tentang kepentingan pematuhan masyarakat terhadap PKP yang dilaksanakan dapat dilihat melalui penggunaan pelbagai bahasa yang difahami oleh masyarakat melalui perkongsian di CPRC, KKM. Berikut dipaparkan Jadual 2 iaitu perkongsian maklumat melalui penggunaan pelbagai bahasa dan loghat di Malaysia.

**Jadual 2:** Penggunaan Pelbagai Bahasa dan Loghat di Malaysia

<p>RAYUAN BUAT SELURUH RAKYAT MALAYSIA. MELAYU CINA INDIA DAN SELAINNYA.</p> <p>TOLONG JANGAN PENTING DIRI. 14 HARI UNTUK KITA KEMBALI NORMAL DENGAN IKUTI SEGALA ARAHAN.</p> <p>JANGAN JADIKAN 14 HARI INI MENJADI BUBUR UNTUK SELAMANYA.</p> <p><b>BAHASA MELAYU</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kekal berada di rumah</li><li>2. Jaga Jarak anda</li><li>3. Patuhi Arahan semasa</li><li>4. Elakkan berita palsu</li></ol> <p>#Melayu</p> <p><b>BAHASA CINA</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kekal dirumah 待在家里</li><li>2. JagaJarak 保持人与人距离</li><li>3. Patuh arahan 遵守规则</li><li>4. Elakkan berita palsu 别传不实讯息</li></ol> <p>#Cina</p> <p><b>BAHASA INDIA</b></p> <ol style="list-style-type: none"><li>1.Kekal dirumah அமைதியாக வீட்டில் உட்கார்ந்து கொள்ளுங்கள்</li><li>2. Jaga jarak</li></ol>
--

எல்லோரிடமும் தூரத்தை பராமரிக்கவும்

3. Patuh arahan

விதிகளைப் பின்பற்றவும்

4. Elakkan berita palsu

வதந்தி செய்திகளைத் தவிர்க்கவும்

#India

LOGHAT

TERENGGANU

#COVID-19

1. Dok diang2 dumoh deh

2. Dok jauh skek dari orang, 1 meter deh

3. Dok soh beng kumpul ramai2 ah

4. Dengor hok kherajaang royat tu

5. Tohok berite hok belebong

#ganukite

KELANTAN

#COVID-19

1. Dok dumah .. Jange tubit

2. Tulung sengoti

3. Mapuh kalu degil

#gomokelategomo

JAWA

#COVID-19

1. Nang ngumah wae usah metu

2. Usah cerek kare wong

3. Ojo rame rame

4. Diru'ngoe kerajaan ngomong

5. Seng ngapusi jar ke

PERAK

#COVID-19

1. Duduk diam dalam rumah, usah keluar-keluor

2. Usah ngenden dekat orang, jarak 1 meter

3. Usah le kumpui ramai-ramai mengkome oii

4. Ate dengor je le arahan kerajaan tu

5. Jangan seborkan berita palesu

NEGERI SEMBILAN

#COVID-19

1. Dok ontok2 kek ghumah

2. Jaghak 1 meter

3. Jangan kumpul ghamai2

4. Dongar apo yg PM kobaan

5. Padam beghito palsu

#hobenjanghoben

SARAWAK  
#COVID-19

1. Diam ajak dalam umah
2. Jarak 1 meter
3. Iboh begumpol rami rami
4. Dengar arahan perentah
5. Hapuskan berita sik benar

#bujangsenang

SIAM  
#COVID-19

1. อยู่แต่ในบ้าน
2. ระยะห่าง 1 เมตร
3. อย่ารวมตัวกันหรืออยู่ที่คนเยอะๆ
3. ทำความสะอาดบ้าน
4. หยุดช่าวสือ

#sawadeekap

ADA LAGI BAHASA YANG ANDA TIDAK FAHAM UNTUK DI IKUTI?  
ATAU ANDA SEMEMANGNYA PENTINGKAN DIRI.

SEBAR UNTUK KEBAIKAN BERSAMA.  
KITA BERSAMA BEBASKAN MALAYSIA DARI VIRUS INI.

RAKYAT MALAYSIA SATU HATI

#MALAYSIABEBASCOVID19  
#JOMCAKNA  
#JANGANPENTINGDIRI

Sumber: (CPRC:19 Mac 2020)

KKM juga menyampaikan maklumat melalui poster sebagai interaksi simbolik melalui media sosial. Tujuannya untuk cuba memahami corak interaksi dan proses kelompok masyarakat yang selari dengan Teori Interaksionisme Mead (1939). Interaksi simbolik dalam menyampaikan maklumat dapat dilihat seperti dalam Jadual 3 di bawah.

**Jadual 3:** Apakah Yang Boleh dilakukan di Rumah Semasa Perintah Kawalan Pergerakan



Sumber: CPRC, KKM: 20 Mac 2020

Jadual 3 di atas menunjukkan cadangan aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan oleh masyarakat di rumah. Antaranya ialah meluangkan lebih masa bersama keluarga, bersenam untuk kekal aktif, menggunakan telekomunikasi untuk berhubung bersama keluarga dan rakan. Membeli barang keperluan secara online, membaca buku atau majalah untuk menambah ilmu, bekerja dari rumah, mengulang kaji dan menyiapkan kerja sekolah serta berinteraksi dan melakukan kerja rumah bersama keluarga.

### **Interaksi Media Sosial antara KKM dengan Agensi Kerajaan**

Melalui Laporan Kenyataan Media berkaitan Mesyuarat Khas High Level Committee Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) Berhubung Kluster Penyakit Novel Coronavirus (Covid-19) Bilangan 5 Tahun 2020 merekod perkara-perkara berikut untuk dilaksanakan sebagai langkah pencegahan. Laporan tersebut telah menyatakan Kementerian Pengajian Malaysia (KPM) juga telah berusaha membantu KKM dalam menyekat penularan wabak covid-19 ini melalui perancangan dan tindakan yang telah dilaksanakan iaitu menubuhkan satu Jawatankuasa Pengurusan Kluster Coronavirus DISEASE 19 (Covid-19) dan bilik Gerakan Jawatankuasa ini telah mula beroperasi bertempat di Bahagian Education Malaysia (BEM) di Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT). Keduanya, semua 20 Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) telah membangunkan Standard Operating Procedure (SOP) bagi menangani penularan Covid-19 manakala 17 institusi Pendidikan Tinggi Swasta dilaporkan mempunyai SOP termasuk Xiamen Universiti Malaysia yang mempunyai ramai pelajar dari China. Ketiganya, semua pelajar yang pulang dari China telah melalui saringan kesihatan dan semua didapati negetif Covid-19.

Keempatnya, Education Malaysia Beijing (EMB) dengan Kerjasama persatuan-persatuan pelajar Malaysia di China telah membangunkan Covid-19 Overseas Students Management Dashboard bagi membantu pemantauan keberadaan pelajar Malaysia yang sedang menuntut di China. Kelimanya, BEM dengan Kerjasama Majlis Kesihatan Universiti Awam Malaysia (MAKESUM) dan KKM telah membangunkan *The Preparatory Plan to Prevent Transmission of The Covid-19 For Malaysian Institutes of Higher Learning*. Keenamnya Kementerian Luar Negeri (KLN) dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) melalui pesawat Air Asia sedang mengurus untuk membawa pulang sekitar 75 orang warganegara Malaysia dan pasangan serta anak dari Wuhan yang telah dilaksanakan pada 25 Februari 2020. Akhir sekali, misi HADR-Wuhan ke-2 akan diuruskan sama seperti misi pertama yang mana sebaik tiba di KLIA semua akan melalui saringan kesihatan di Air Disaster Unit (ADU) sebelum dihantar ke Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) untuk proses pemantauan selama 14 hari. (CPRC, KKM 21 Februari,2020).

### **Interaksi Media Sosial antara KKM dengan Kontak Kes Covid-19**

Tinjauan kes sebelum PKP Fasa 1 juga perlu dianalisis untuk melihat keberkesanan PKP Fasa 1 adalah hasil interaksi media sosial antara pihak KKM dengan kontak kes Covid-19. Saranan-saranan dan langkah-langkah awal dari pihak kerajaan ini sebenarnya yang menjadi mercu kejayaan pengekangan kes Covid-19 di Malaysia. Kementerian Kesihatan telah memaklumkan bahawa sehingga 12 tengah hari 4 Mac 2020, terdapat 14 kes baharu yang telah dilaporkan. Sepertimana yang dimaklumkan sebelum ini, gelombang pertama jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (Covid-19) di Malaysia yang merangkumi 22 kes positif Covid-19 (iaitu kes pertama sehingga kes ke-22) telah sihat dan discaj. Setelah 11 hari tiada kes baharu dilaporkan, gelombang kedua bermula pada 27 Februari 2020. Bagi gelombang kedua sehingga 4 Mac 2020, terdapat sebanyak 28 kes positif Covid-19 (iaitu kes ke-23 sehingga kes ke-50) yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 50 kes. Kenyataan Akhbar KPK 4 Mac 2020 – Situasi Semasa Jangkitan Penyakit Coronavirus 2019 (Covid-19) di Malaysia. (CPRC, KKM 4 Mac 2020). Sehingga 12 tengah malam 19 Mac 2020, 10,553 ahli jemaah tabligh yang hadir majlis perhimpunan di Masjid Jamek Seri Petaling telah diperiksa, 4,986 sampel diambil dan 513 positif. Seorang jemaah tabligh berumur 34 tahun telah meninggal dunia. Pihak KKM juga menyeru ahli jemaah tabligh yang berkenaan untuk tampil diperiksa oleh KKM.

Perkembangan yang positif dalam PKP Fasa 3 juga selari dengan Teori Interaksionisme iaitu pertamanya, pengesahan interaksi sosial masyarakat di Malaysia yang berpegang teguh atau setia pada struktur. Keadaan ini dapat dilihat dengan sikap interaksi sosial masyarakat Malaysia terhadap saranan KKM dalam pematuhan sepanjang PKP ini berlangsung. Keduanya, penyimpangan iaitu meninggalkan struktur. Keadaan ini dapat dilihat dengan pematuhan masyarakat terhadap norma-norma positif yang terpaksa ditinggalkan dalam amalan seharian seperti bersalam-salaman serta melakukan aktiviti harian yang melibatkan sentuhan. Pematuhan ini dapat dilihat melalui amalan penjarakan sosial selamat sekurang-kurangnya satu meter dalam aktiviti harian yang melibatkan interaksi masyarakat, menjaga kebersihan diri secara kerap seperti membasuh tangan dengan sabun, menggalakkan pemakaian pelitup muka (*face mask*) di sepanjang perjalanan dan juga konsep ‘memenjarakan sosial’ iaitu duduk di rumah sebagaimana yang disarankan oleh Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yasin sepanjang PKP berlangsung. Hasil analisis juga dapat diperkuahkan dengan Teori Interaksionisme Mead (1939) yang mengatakan bahawa adanya proses interaksi sosial manusia yang mempunyai dua tahap iaitu interaksi tidak simbolik dan interaksi simbolik. Interaksi tidak simbolik ialah interaksi manusia yang bertindak secara langsung terhadap gerak isyarat atau tindakan orang lain. Interaksi tidak simbolik ini dapat dikaitkan dengan interaksi Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dalam media sosial yang sentiasa memberi peringatan kepada masyarakat tentang kepentingan pematuhan PKP ini untuk memutuskan rantai Covid-19. Lantaran itulah, mesej yang disampaikan oleh Ketua

Pengarah Kesihatan Malaysia telah memberi tindak balas kepada masyarakat yang ditafsirkan sebagai interaksi simbolik yang ditekankan oleh Teori Interaksionisme. Teori tersebut telah mentafsirkan bahawa manusia mentafsir setiap gerak isyarat iaitu nasihat dan saranan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia seterusnya masyarakat bertindak berdasarkan hasil makna tafsiran tersebut. Masyarakat dapat mentafsir makna yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia bahawa tujuan PKP Fasa 1 hingga PKP Fasa 3 ini dilaksanakan adalah untuk ‘memenjarakan sosial’ demi memutuskan rantaian Covid-19. Saranan yang sentiasa diingatkan kepada masyarakat oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia ialah sila patuhi PKP dengan mengamalkan penjarakan sosial, jauhi perhimpunan awam, duduk di rumah dan kerap basuh tangan.

Terdapat banyak implikasi sosiologi dalam pemikiran Mead sebagaimana yang dijelaskan oleh Najeemah Mohd Yusof (2004) dalam kertas kerjanya yang bertajuk *Implikasi Sosiologi Pemikiran George Herbert Mead*. Beliau menjelaskan bahawa sosialisasi telah menukar sifat manusia supaya memainkan peranan secara efektif. Kawalan sosial menjadi penting dan kemestian hanyalah kawalan diri. Perubahan sosial lebih menjadi proses asal yang berterusan dalam kehidupan manusia secara berkumpulan daripada menjadi hasil berasal bagi faktor yang tidak berkaitan dalam struktur yang mantap. Kehidupan manusia secara berkumpulan lebih dilihat sebagai sesuatu yang sentiasa tidak lengkap dan masih dalam pembinaan daripada berpindah dari satu keadaan yang lengkap ke satu keadaan yang lain. Keceluaran sosial tidak dilihat sebagai pemecahan struktur yang sedia ada tetapi dilihat sebagai ketidakupayaan untuk mengarahkan tindakan secara efektif dalam menghadapi situasi yang diberikan. Memandangkan tindakan sosial mempengaruhi masa depan seseorang, maka perkara ini dianggap mempunyai dimensi sejarah yang harus diambil kira untuk memberikan pemahaman yang mencukupi. Lantaran itu, dalam menangani isu Covid-19 di celah-celah kehidupan masyarakat yang mempunyai pelbagai ragam manusia, maka pematuhan hidup dalam berinteraksi sosial ini wajar dipatuhi sepanjang PKP ini berlangsung walaupun pematuhan tersebut menyimpang daripada norma-norma kebiasaan tetapi impaknya adalah untuk kepentingan dan kemaslahatan bersama. Komunikasi dengan menggunakan kata-kata yang mudah difahami oleh ketua kerajaan kepada rakyat melalui saluran media massa juga jelas dimanfaatkan sepanjang tempoh PKP ini berlangsung. Mohd Rashid Md. Idris (2019:26) juga menjelaskan semakin berkesan sistem komunikasi diamalkan, semakin cekaplah pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi tersebut. Sama ada komunikasi itu melalui saluran rasmi atau tidak rasmi, sistem komunikasi perlu melalui kaedah yang betul dengan etika yang baik untuk memastikan keberkesanannya. Ilmu komunikasi ialah ilmu yang dipelajari oleh manusia supaya memudahkan seseorang menyampaikan apa yang terkandung dalam fikirannya kepada orang lain. Oleh yang demikian, ilmu komunikasi dalam interaksi sosial juga menyumbang kepada kejayaan pihak kerajaan dalam menangani isu Covid-19 ini. Saran Zhulkarnain Abdul Rahim (2020) juga wajar menjadi amalan masyarakat Malaysia iaitu tidak mengamalkan cara hidup “bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing” yang hanya mementingkan diri masing-masing sahaja. Namun begitu, beliau menyarankan agar masyarakat Malaysia bersikap seperti perumpamaan berikut iaitu “seikat bak sirih, serumpun bak serai” serta bersatu hati menghadapi krisis covid-19 ini. Jelas menunjukkan, isu Covid-19 ini telah menjadikan masyarakat lebih peka dan berhati-hati semasa berinteraksi sosial dalam kehidupan seharian.

## **KESIMPULAN**

Oleh yang demikian, berdasarkan perbincangan dalam analisis kes baru Covid-19 di atas menunjukkan bahawa interaksi sosial sememangnya melibatkan hubungan antara dua atau lebih individu atau kelompok di sesuatu tempat. Hal ini juga melibatkan beberapa unsur yang akan menentukan bentuk interaksi yang berlaku seperti berbentuk kerjasama, konflik, persaingan, hubungan superior dengan inferior. Unsur-unsur yang terlibat adalah seperti norma sosial, status

dan obligasi timbal balik (*reciprocal obligations*), (Coser dan Rosenberg, 1976:143). Ting Chew Peh (1979:38) juga berpendapat bahawa interaksi sosial merupakan satu proses yang melibatkan dua atau lebih individu atau kelompok yang melibatkan tindakan saling berbalas, dalam erti kata tingkah laku seseorang itu akan mengambil kira dan diorientasikan ke arah tingkah laku individu yang lain. Perkara ini juga melibatkan saling jangkaan antara individu-individu yang terlibat dalam interaksi itu. Lantaran itu, penulis dapat menyimpulkan bahawa PKP Fasa 2 dan PKP Fasa 3 menunjukkan kesan yang positif kepada masyarakat dalam menangani kebolehjangkitan wabak Covid-19. Saranan pematuhan PKP ini adalah demi kemaslahatan bersama dalam memerangi kes Covid-19. Perbincangan ini membuktikan bahawa Teori Interaksionisme dapat menjelaskan hubungan interaksi sosial dalam masyarakat sepanjang wabak Covid-19 dalam tempoh PKP yang dikuatkuasakan oleh kerajaan Malaysia.

## RUJUKAN

- Abramson, Harold J. (1994). Assimilation and Pluralism. In Stephan. Thernstorn. *Harvard encyclopedia of American ethnic groups*. (p.150-160) Cambridge: Belknap Press of Harvard University Press.
- Achmad Taofik (2015). Studi Deskriptif Pemaknaan Wanita Pedagang Asongan Di Pasar Hewan Desa Banjarjo Padangan Bojonegoro, Jurnal Uniair *Universitas Airlangga* 3(2).
- Adnan, R.A., Ramli, M.F., Othman, H.F., Asha'ri, Z.H., Syed Ismail, S.N., Samsudin, S. (2018) Environmental and Sociology Factors Associated with Dengue Cases in Kuala Lumpur, Malaysia. *Preprints* 2018, 2018100212 (doi: 10.20944/preprints201810.0212.v1).
- Amir Hasan Dawi. (2002). *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Coser & Rosenberg. (1976). *Sociological Theory: A Book of Readings*. Edition: 4th Edition.
- Er, A. C., & Abdullah, W. (2017). Menangani wabak Denggi di Malaysia: Satu tinjauan kaedah rawatan dan pencegahan. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9).
- Eril (13 March 2020). Pengertian Big Data dan Seberapa Pentingnya Saat Ini. Diakses pada 30 April 2020. Khamis. Jam 2.30 petang. <https://qwords.com/blog/big-data-adalah/>
- Fauzi Suhaimi (12 Mac 2020). Fahami perbezaan epidemik, endemic dan pandemik. Diakses pada 17 April 2020. Jumaat. Jam 12.10 pagi. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/fahami-perbezaan-epidemik-endemic-dan-pandemik-233401>
- Fornace, K. M., Brock, P. M., Abidin, T. R., Grignard, L., Herman, L. S., Chua, T. H., & Grigg, M. J. (2019). Environmental risk factors and exposure to the zoonotic malaria parasite Plasmodium knowlesi across northern Sabah, Malaysia: a population-based cross-sectional survey. *The Lancet Planetary Health*, 3(4), e179-e186.
- Grady Nagara (28 Feb 2020) Memahami Manusia dari "Big Data" – detikNews. Diakses pada 30 April 2020. Khamis. Jam 2.00 petang. <https://news.detik.com/kolom/d-4918395/memahami-manusia-dari-big-data>.
- "WHO Director-General's opening remarks at the media briefing on COVID-19 – 11 March 2020". Dicapai pada 11 March 2020. <https://www.who.int/dg/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing-on-covid-19---11-march-2020>
- Gidden (1993). *New Rules of Sociological Method: A Positive Critique of Interpretative Sociologies*: Second Edition. Polity Press 65 Bridge Street, Cambridge CB2 IUR, UK.
- Hassan, S. H. (2015). Effects of Religious Behavior on Health-Related Lifestyles of Muslims in Malaysia. *Journal of religion and health*, 54(4), 1238-1248. <https://doi.org/10.1007/s10943-014-9861-z>.
- Jessica dan Abdul Hamid (2019, April). *Asimilasi Budaya Melayu dalam Masyarakat Malabari Muslim di Malaysia*. Paper presented E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. E-ISBN 978-967-2122-71-5
- Mead, G.H. (1934). *Mind, Self and Society*, Chicago: University of Chicago.
- Md. Idris, M. R. (2019). Teori Falsafah Bahasa Asas Kesempurnaan Berbahasa. PENDETA: *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 2, 21-33.
- Muda, M. (2019). Pandangan pesakit wanita HIV terhadap kematian (The perception of HIV women patients on death). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4).

*Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme Melalui Perangkaan Data Kes Covid-19 di Malaysia*

- Najeemah Mohd Yusof (2004). Implikasi Sosiologi Pemikiran George Herbert Mead. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, 19,139-157.
- Ritzer (1992). *Modern Sociological Theory*. McGraw-Hill College.
- Ting Chew Peh (1979). *Konsep Asas Sosiologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Vander Zanden, James W (James Wilfrid) (1990). *Sociology: The Core*. Publisher: New York: McGraw-Hill. Edition: 2<sup>nd</sup> ed.
- Zakri (Oktober 2014). Apa Itu Big Data. Diakses pada 18 April 2020. Jam 11.15 pagi.
- Zhulkarnain Abdul Rahim (2020) KOMENTAR: Cabaran virus korona COVID-19; banyak juga peluang kukuhkan perpaduan <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/commentary/komentar-cabaran-virus-korona-covid-19-banyak-juga-peluang/4401810.html>. Diakses pada 19 Mei 2020. Jam 10.30 pagi.